

KEBAKARAN

HOME PROTECTOR ENHANCED



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)



HOME PROTECTOR ENHANCED

Rumah kita adalah tempat perlindungan dan ketenangan. Namun bagi sesetengah orang, ia adalah impian seumur hidup. Memiliki sebuah rumah melambangkan usaha gigih, cita-cita, dan pencapaian. Ia juga memberikan rasa bangga serta kenangan indah bersama ahli keluarga. Bagi sesetengah orang, ia adalah legasi yang diwariskan kepada anak-anak dan generasi akan datang.

Inilah sebabnya mengapa memilih pelan insurans rumah yang tepat amat penting ketika menghadapi kesulitan. Walaupun anda tidak dapat mengelakkan kejadian alam semula jadi dan bencana yang tidak dijangka, anda pasti boleh melindungi diri daripada beban kewangan dan memberi peluang kepada diri serta keluarga untuk membina semula.

Home Protector Enhanced ialah pelan perlindungan insurans rumah yang menyeluruh, direka untuk melindungi rumah anda dan kandungannya di dalamnya demi ketenangan fikiran.



PERLINDUNGAN FLEKSIBEL

Home Protector Enhanced membolehkan anda memilih jenis perlindungan yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda boleh memilih insurans pemilik rumah untuk melindungi bangunan, atau insurans kandungan isi rumah untuk melindungi barangan di dalam rumah. Jika anda mahukan perlindungan yang komprehensif, anda boleh mengambil kedua-dua insurans pemilik rumah dan insurans kandungan isi rumah.

Pemilik Rumah (Melindungi Bangunan Sahaja)

Insurans pemilik rumah melindungi daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, kerosakan oleh pesawat, kerosakan akibat hentaman, paip atau tangki air domestik pecah atau melimpah, kecurian (yang disertai dengan pencerobohan secara paksa dan ganas), hurikan, siklon, taufan, ribut kencang, gempa bumi, letusan gunung berapi, banjir dan rompak.

Seksyen ini melindungi sistem solar fotovoltaik (PV) rumah yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), berdasarkan nilai invoice sebenar, yang dipasang dalam kawasan premis yang diinsuranskan. Ia tidak melindungi talian penghantaran atau kabel di luar kawasan premis.

Perlindungan Pemilik Rumah turut menyediakan manfaat-manfaat berikut:

- | | |
|--|---|
| (i) Penggantian Tingkap Luar / Kunci Pintu | Sehingga RM500 |
| (ii) Manfaat Perlindungan Yuran Penyelenggaraan | Sehingga RM250 |
| (iii) Penggantian Paip Pecah (termasuk kerja menebuk dan menampal) | Sehingga RM1,500 |
| (iv) Perlindungan Keganasan (kerosakan bahan sahaja) | Sehingga RM500,000 |
| (v) Insurans Sewa | Sehingga 10% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan |
| (vi) Liabiliti kepada Awam | Sehingga RM50,000 |
| (vii) Laporan Bomba | Sehingga RM100 |
| (viii) Perbelanjaan Pemadaman Api | Sehingga RM1,000 |
| (ix) Elaun Bantuan Domestik | Sehingga RM250 |
| (x) Elaun Kecemasan | Sehingga RM1,500 |
| (xi) Kemalangan Diri Seluruh Dunia | RM10,000 setiap orang (sehingga maksimum 5 orang) |

Kandungan Isi Rumah (Melindungi Kandungan Sahaja)

Insurans Kandungan Isi Rumah melindungi barangan rumah, barangan peribadi dan harta alih lain, dan ditawarkan dalam dua jenis perlindungan:

- (i) **Semua Risiko (Had bagi setiap artikel adalah 10% daripada jumlah kandungan yang diinsuranskan)**
Kandungan rumah anda dilindungi di bawah asas "Semua Risiko", yang bermaksud ia meliputi kerugian atau kerosakan terhadap kandungan rumah akibat semua jenis risiko termasuk rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat, kerosakan tidak sengaja, serta kecurian.
- (ii) **Pemilik Rumah (Tiada had bagi setiap artikel)**
Kandungan isi rumah anda dilindungi di bawah asas "Isi Rumah", yang bermaksud ia meliputi kerugian atau kerosakan terhadap kandungan rumah akibat kebakaran, kilat, letupan, kerosakan oleh pesawat, kerosakan akibat hentaman untuk kediaman persendirian atau blok pangsapuri (oleh kenderaan jalan raya atau haiwan yang tidak dimiliki atau dikawal oleh anda), paip atau tangki air domestik pecah atau melimpah, kecurian (yang disertai dengan pencerobohan secara paksa dan ganas ke dalam atau keluar dari bangunan), hurikan, siklon, taufan, ribut kencang, gempa bumi, letusan gunung berapi, banjir dan rompak.

Manfaat tambahan berikut tersedia bergantung kepada jenis perlindungan kandungan isi rumah yang dipilih:

MANFAAT-MANFAAT	JUMLAH YANG DIINSURANSKAN/HAD	
	SEMUA RISIKO	ISI RUMAH
(i) Kandungan Isi Rumah Yang Dipindahkan Sementara	sehingga 15% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan ke atas kandungan	sehingga 15% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan ke atas kandungan
(ii) Kerosakan pada Cermin	-	Sehingga RM500 sekeping
(iii) Pampasan Untuk Kematian	-	Had sehingga RM10,000 atau separuh daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan ke atas kandungan.
(iv) Harta Pembantu Rumah	-	Dibayar, sebahagian daripada jumlah yang diinsuranskan bagi kandungan
(v) Insurans Sewa	-	Sehingga 10% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan
(vi) Liabiliti kepada Awam	-	Sehingga RM50,000
(vii) Kos Menggantikan Dokumen Undang-Undang yang Hilang	Sehingga RM1,000	Sehingga RM1,000
(viii) Kehilangan Wang Tunai Di Rumah	Sehingga RM1,000	Sehingga RM1,000
(ix) Penyalahgunaan Kad Kredit/ATM	Sehingga RM1,000	Sehingga RM1,000
(x) Penipuan atau Kerugian akibat Ketidakjujuran Pembantu Rumah	Sehingga RM500	Sehingga RM500
(xi) Kerosakan Makanan Dalam Penyejuk Beku	Sehingga RM250	Sehingga RM250
(xii) Elaun Kecemasan	Sehingga RM1,500	Sehingga RM1,500
(xiii) Elaun Bantuan Domestik	Sehingga RM250	Sehingga RM250
(xiv) Laporan Bomba	Sehingga RM100	Sehingga RM100
(xv) Perbelanjaan Pemadaman Api	Sehingga RM1,000	Sehingga RM1,000
(xvi) Kemalangan Diri Seluruh Dunia	-	RM10,000 setiap orang (sehingga maksimum 5 orang)
(xvii) Kerugian atau kerosakan pada tangki air/penapis air yang dipasang di luar bangunan	Sehingga RM1,000	-
(xviii) Kos Penggantian Paip Pecah	Sehingga RM1,500	-
(xix) Kos Penggantian Kunci	Sehingga RM500	-



Pelanjutan Pilihan

Home Protector Enhanced menawarkan anda pelbagai lanjutan pilihan untuk meliputi bangunan dan/atau anda kandungan isi rumah dengan premium tambahan:

- (i) Mendapan dan Gelinciran Tanah
- (ii) Rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat
- (iii) Barangan dan perabot Tuan Rumah di pangsa/apartmen
- (iv) Insurans Kepingan Kaca
- (v) Pelanjutan untuk meliputi pengubahsuaian, pembaikan dan penambahan (tetapi bukan kenaikan nilai melebihi jumlah yang diinsuranskan)
- (vi) Perlindungan kecurian lanjutan tetapi tidak termasuk kecurian oleh pembantu rumah atau mana-mana ahli keluarga anda atau isi rumah anda
- (vii) Perlindungan kecurian lanjutan termasuk kecurian oleh pembantu rumah
- (viii) Kenaikan had ganti rugi tambahan di bawah Manfaat Tambahan – Insurans Sewa
- (ix) Kenaikan had ganti rugi di bawah Manfaat Tambahan – Liabiliti Kepada Awam
- (x) Pelanjutan Waranti Barangan (Tidak melebihi 10% daripada jumlah keluasan lantai)

Pilihan Tambahan

Jika anda menggunakan mana-mana perlindungan Home Protector Enhanced untuk bangunan dan/atau kandungan isi rumah anda, anda boleh juga memilih untuk mengambil pilihan tambahan ini untuk diri sendiri dan keluarga anda, terpakai di seluruh dunia!

- **Perlindungan Semua Risiko Seluruh Dunia**

Melindungi barangan peribadi anda (barangan peribadi yang kerap dipakai atau dibawa) seperti jam tangan, barang kemas, beg tangan dan juga kamera, telefon bimbit atau tablet sehingga RM10,000 setiap barang.

- **Liabiliti Keluarga Seluruh Dunia**

Lindungi diri anda dan keluarga anda terhadap tuntutan pihak ketiga (orang lain) untuk kecederaan badan yang tidak disengajakan atau kerosakan harta benda melalui kecauan yang disebabkan oleh anda, ahli keluarga terdekat anda atau pembantu rumah anda.

Untuk butiran tentang manfaat yang ditawarkan, sila rujuk kepada terma dan syarat penuh yang dinyatakan dalam polisi insurans.



JADUAL PREMIUM

Manfaat Utama

BANGUNAN	PELAN 1 (RM)	PELAN 2 (RM)	PELAN 3 (RM)	PELAN FLEKSIBEL (RM)
JUMLAH YANG DIINSURANSKAN	100,000	200,000	300,000	Ditentukan oleh anda
Premium Tahunan (Harta Tanah)	71.10	142.20	213.30	Kadar @ 0.07110%
Premium Tahunan (Rumah Pangsa & Apartmen)	73.47	146.94	220.41	Kadar @ 0.07347%

KANDUNGAN	PELAN 1 (RM)	PELAN 2 (RM)	PELAN 3 (RM)	PELAN FLEKSIBEL (RM)
JUMLAH YANG DIINSURANSKAN	50,000	100,000	150,000	Ditentukan oleh anda
Perlindungan Isi Rumah				
Had bagi setiap Artikel	T/B	T/B	T/B	T/B
Premium Tahunan (Harta Tanah atau Rumah Pangsa & Apartmen)	133.51	267.02	400.53	Kadar @ 0.26702%
Premium Tahunan (Harta Penduduk di Hotel, Kelab Kediaman dan Rumah Asrama)	253.50	507.00	760.50	Kadar @ 0.50700%

Perlindungan Semua Risiko (Ekses: RM150 bagi setiap kerugian)				
Had bagi setiap Artikel	5,000	10,000	15,000	10% daripada jumlah yang diinsuranskan bagi kandungan
Premium Tahunan (Harta Tanah atau Rumah Pangsa & Apartmen) Barang Kemas 1/3 daripada Jumlah Yang Diinsuranskan	300.00	600.00	900.00	Kadar @ 0.60000%
Premium Tahunan (Harta Penduduk di Hotel, Kelab Kediaman dan Rumah Asrama) Barang Kemas 1/2 daripada Jumlah Yang Diinsuranskan	360.00	720.00	1080.00	Kadar @ 0.72000%

Pilihan Tambahan

HURAIAN	JUMLAH YANG DIINSURANSKAN (RM)	PREMIUM (RM)
Semua Risiko Peribadi Seluruh Dunia Melindungi kerugian atau kerosakan terhadap barangan peribadi Contohnya: barang kemas, jam tangan, kamera, dan lain-lain	Nilai bagi barangan peribadi Contohnya: barang kemas, jam tangan, kamera, dan lain-lain Had maksimum bagi setiap barang: RM10,000 (Ekses: RM150 bagi setiap kerugian)	Kadar @ 1.5%
Liabiliti Keluarga Seluruh Dunia Memberi pampasan terhadap kecederaan badan secara tidak sengaja kepada pihak ketiga atau kerosakan harta benda secara tidak sengaja.	200,000	25

Nota:

- Semua Premium adalah tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan RM10.00 Duti Setem.
- Polisi ini tertakluk kepada premium minimum berikut, jika anda memilih Pelan Fleksibel. Premium minimum ini ialah sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem.
 - Bangunan dan / atau Kandungan Isi Rumah RM60.00
 - Kandungan Rumah Semua Risiko RM75.00
 - Semua Risiko Peribadi Seluruh Dunia RM75.00
 - Liabiliti Keluarga Seluruh Dunia RM25.00
- Harta tanah hendaklah dibina daripada dinding bata/konkrit, pintu konkrit bertetulang dan berbumbung jubin/konkrit.

SOALAN LAZIM

1. Bagaimanakah saya menentukan jumlah yang diinsuranskan untuk bangunan rumah saya?

Terdapat Kalkulator Kos Bangunan (BCC) yang boleh membantu anda dalam menentukan jumlah anggaran yang akan diinsuranskan untuk hartanah kediaman, boleh didapati di laman web PIAM <https://piam.org.my/>. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa ini hanya berfungsi sebagai panduan dan bukan pengganti nasihat profesional.

Jumlah yang diinsuranskan mesti dipantau dan disemak secara berkala untuk mewakili nilai penuh dan mengelakkan kurang insurans, jika tidak, penyelesaian tuntutan akan dibuat pada Asas Purata. Ingat untuk memastikan bahawa harta tanah anda diinsuranskan pada kos pembinaan semula yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian anda.

2. Bagaimanakah cara saya membuat tuntutan sekiranya berlaku kerugian?

Anda boleh memberitahu kami dengan segera dan menyampaikan tuntutan secara bertulis serta memberikan semua butiran terperinci dan bukti dalam tempoh 30 hari dari tarikh kerugian.

3. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi kami notis secara bertulis. Anda berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek biasa atau premium minimum yang perlu dibayar di bawah polisi, yang mana lebih tinggi.

4. Apa itu Ekses?

Ekses bermaksud jumlah yang anda perlu tanggung untuk tuntutan. Jumlah akan dinyatakan dalam insurans polisi.

5. Bolehkah saya melindungi barang kemas saya?

Ya boleh. Dengan Kandungan Isi Rumah - Semua Risiko, anda boleh melindungi jumlah nilai platinum, emas dan perak anda dan barang kemas yang perlu dibayar terhad kepada satu pertiga atau separuh daripada jumlah yang diinsuranskan kandungan rumah anda.

Dengan Kandungan Isi Rumah - Pemilik Rumah, anda boleh melindungi jumlah nilai platinum, emas dan perak anda dan barang kemas yang perlu dibayar terhad kepada satu pertiga daripada jumlah keseluruhan kandungan rumah anda yang diinsuranskan.

6. Adakah terdapat had bagi mana-mana barang yang diinsuranskan?

Ia bergantung kepada jenis perlindungan kandungan isi rumah yang anda pilih.

Jika anda memilih:

- (i) Kandungan Isi Rumah – Semua Risiko: Anda akan tertakluk kepada Had bagi setiap Artikel sebanyak Sepuluh (10)% daripada jumlah kandungan yang diinsuranskan.
- (ii) Kandungan Isi Rumah – Pemilik Rumah: Tiada Had bagi setiap Artikel dikenakan di bawah jenis perlindungan ini.

Sila pastikan anda mengambil jumlah yang diinsuranskan yang mencukupi untuk meliputi nilai barangan anda bagi mengelakkan keadaan diinsuranskan secara tidak mencukupi.

7. Bolehkah saya memasukkan peril lain kepada pemilik rumah atau insurans kandungan isi rumah saya?

Ya, anda boleh melindungi peril tambahan seperti rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat, mendapan dan gelinciran tanah, serta/ atau kepingan kaca dengan membayar premium tambahan.

Jika anda telah mengambil perlindungan Kandungan Isi Rumah - Semua Risiko, beberapa peril sudah termasuk dalam perlindungan anda, melainkan dinyatakan sebaliknya.

8. Adakah rumah saya masih dilindungi jika saya menjalankan perniagaan berasaskan rumah dan menyimpan barangan perniagaan di rumah?

Ya, tetapi anda mungkin perlu membeli Pelanjutan Waranti Barangan yang membenarkan anda untuk menyimpan barangan perniagaan sehingga maksimum 10% daripada jumlah keseluruhan kawasan rumah anda.

Generali Insurance Malaysia Berhad

197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,
27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.



www.generali.com.my



1 300 13 2121 atau +603 3007 2121



customer.service.gi@generali.com.my



Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Risalah ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan definisi yang tepat dinyatakan dalam polisi insurans.

Nota Penting:

1. Sila baca risalah ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Home Protector Enhanced. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am yang terdapat pada Lembaran Pendedahan Produk.
2. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami terus untuk keterangan lanjut.